

# Teh karas ubat kencing manis, darah tinggi

KOSMO 16/05/2010 MIS 11

Oleh MANIRAH OTHMAN  
manirah.othman@kosmo.com

**MARANG** – Pokok karas yang dikomersialkan untuk mendapatkan gaharu bagi tujuan penghasilan minyak wangi rupanya mempunyai khasiat lain iaitu sebagai ubat kepada pelbagai jenis penyakit.

Atas keistimewaan itu, Jabatan Perhutanan negeri telah pun membangunkan projek tanaman pokok tersebut di atas tanah seluas 47 hektar di Merchang dekat sini bagi memproses dan mengeluarkan sejenis minuman herba yang dina-

makan teh karas.

Menurut Pengarah Perhutanan negeri, Akhirudin Mahmud, bagi menambah khasiat minuman herba yang dikatakan boleh mengubati penyakit kencing manis dan darah tinggi, ramuan minuman itu turut dicampur beberapa herba lain.

“Antara herba lain yang digunakan ialah tebu gajah bagi menghasilkan rasa manis asli dan dua lagi herba yang kami rahsiakan untuk menambah khasiat minuman ini,” katanya.

Beliau ditemui ketika melawat dan meninjau kemajuan tanaman pokok karas di ladang tersebut

bersama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Razani Ujang serta kakitangannya di sini semalam.

“Teh karas hanya boleh didapati di pejabat Jabatan Perhutanan negeri kerana kami masih dalam urusan memilih pengedar, namun sambutan yang diterima sejak ia dikeluarkan sangat menggalakkan,” katanya.

Mengenai perkembangan ladang itu, kata Akhirudin, pokok-pokok yang ditanam di situ sudah berusia lima tahun dan dijangka dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga tahun lagi.



RAZANI menyiram pokok karas yang ditanam di Pusat Penyelidikan Karas, Hutan Simpan Merchang, Marang semalam.